

# ZORATADINE-P SYRUP

Loratadine/Pseudoephedrine Sulfate (5mg/60mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zoratadine-P Syrup
2. Bagaimana Zoratadine-P Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Zoratadine-P Syrup
4. Cara menggunakan Zoratadine-P Syrup
5. Semasa menggunakan Zoratadine-P Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zoratadine-P Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Zoratadine-P Syrup. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan peranan ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Zoratadine-P Syrup

Zoratadine-P Syrup digunakan untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan rinitis alergi (keradangan membran mukus dalam hidung) dan selesema biasa termasuk kesesakan hidung, bersin, hidung berair, kegatalan kulit dan mata berair.

## Bagaimana Zoratadine-P Syrup berfungsi

Zoratadine-P Syrup mengandungi loratadine dan pseudoephedrine sulfate sebagai bahan aktif.

Loratadine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, bahan dalam badan yang menyebabkan gejala alahan.

Pseudoephedrine sulfate adalah dekongestan yang mengecutkan

saluran darah dalam rongga hidung. Ini membantu melegakan saluran hidung yang sesak dan tersumbat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum mengambil Zoratadine-P Syrup

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Zoratadine-P Syrup sekiranya:

- Anda alah terhadap loratadine atau pseudoephedrine atau mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- peningkatan tekanan intraokular (dalam mata)
- kesukaran membuang air kencing
- *prostatic hypertrophy* (pembesaran prostat)
- tekanan darah tinggi yang teruk
- penyakit jantung kronik
- hipertiroidisme (kelenjar tiroid terlalu aktif)
- sedang menjalani rawatan dengan monoamine oxidase inhibitor (MAOI) atau dalam 14 hari selepas menghentikan rawatan
- penyempitan saluran gastrik akibat ulser pada dinding perut (*stenosing peptic ulcer*)
- Obstruksi di antara pilorus dan duodenum (bahagian perut)
- gangguan fungsi hati
- diabetes mellitus

### Mengandung dan menyusukan bayi:

- Beritahu doktor anda sebelum mengambil Zoratadine-P Syrup jika anda mengandung, mungkin

mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi.

- Penggunaan yang selamat bagi Zoratadine-P Syrup semasa mengandung belum ditubuhkan.
- Loratadine dan pseudoephedrine sulfate dikumuhkan dalam susu ibu, oleh itu keputusan harus diambil samada menghentikan penyusuan bayi atau menghentikan pengambilan Zoratadine-P Syrup.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk semua yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ini termasuk;

- ketoconazole (antikulat)
- erythromycin (antibiotik)
- cimetidine (untuk merawat ulser gastrik)
- *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs) untuk kemurungan
- *methyl dopa*, *mecamylamine*, *reserpine*, *veratum alkaloids* (untuk merawat tekanan darah tinggi)
- *digitalis* (untuk merawat penyakit jantung)
- *antacid* (untuk merawat keasidan perut)
- *kaolin* (untuk cirit-birit)

## Cara menggunakan Zoratadine-P Syrup

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk diambil melalui mulut.

*Dewasa dan Kanak-kanak berumur 6 - 12 tahun* (Berat badan > 30kg): 5mL 2 kali sehari.

*Kanak-kanak berumur 6 - 12 tahun* (Berat Badan ≤ 30kg): 2.5mL 2 kali sehari.

Keselamatan dan keberkesanan Zoratadine-P Syrup pada kanak-

kanak bawah umur 6 tahun belum pernah diketahui.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Bergantung kepada individu. Dapatkan nasihat doktor anda untuk jangka masa pengambilan ubat ini.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan cuba untuk menggantikan dos yang tertinggal dengan mengambil lebih daripada satu dos pada satu masa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan Zoratadine-P Syrup secara berlebihan mungkin menyebabkan mengantuk, berhenti bernafas sejenak semasa tidur (apnea), masalah tidur (insomnia), halusinasi, kegembiraan yang luar biasa, keterujaan, kadar degupan jantung yang cepat (takikardia), haus, peluh, tekanan darah tinggi atau rendah, pening, sakit kepala, loya, muntah-muntah atau masalah buang air kecil.

Ini bukan senarai yang lengkap berkenaan tanda-tanda terlebih dos. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami tanda-tanda lain.

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Zoratadine-P Syrup.

**Semasa menggunakan Zoratadine-P Syrup**

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda merancang untuk mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Zoratadine-P Syrup.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zoratadine-P Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi ubat ini dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Antihistamina perlu dihentikan kira-kira 48 jam sebelum prosedur ujian kulit.

Jangan mengendalikan kenderaan atau sebarang mesin sehingga kesan rawatan Zoratadine-P Syrup telah dikenalpasti.

Orang tua yang berusia 60 tahun ke atas adalah lebih cenderung untuk mengalami kesan-kesan sampingan seperti kekeliruan, halusinasi, depresi sistem saraf pusat (CNS) dan kematian.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Zoratadine-P Syrup berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Seperti semua ubat-ubatan, Zoratadine-P Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah sakit kepala, gemuruh, pening, letih, loya, kekeliruan, mulut kering, dan masalah tidur (insomnia).

Ini bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Zoratadine-P Syrup**

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.

Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

**Maklumat lanjut**

Rupa dan warna produk

Zoratadine-P Syrup adalah cecair jernih berwarna kuning dan sedikit likat dengan perisa rootbeer.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
Setiap 5ml mengandungi 5mg Loratadine dan 60mg Pseudoephedrine sulfate.

**Bahan-bahan tidak aktif:**

Sucralose, Rootbeer Flavour 4184,  
Sucrose, Sodium Benzoate, Citric  
acid anhydrous, Sorbitol 70%,  
Propylene Glycol, Glycerin, dan  
Purified Water.

**Nombor MAL**

MAL10053674A

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Baru Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

06/11/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)051115/00406